

ASMAFEN SYRUP

Ketotifen fumarate (1mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Asmafen Syrup
2. Bagaimana Asmafen Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Asmafen Syrup
4. Cara menggunakan Asmafen Syrup
5. Semasa menggunakan Asmafen Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Asmafen Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Asmafen Syrup

Asmafen Syrup digunakan:

- Sebagai pencegahan jangka masa panjang untuk lelah, radang tiub bronkial (saluran udara) dalam paru-paru dan simptom lelah berkaitan dengan alahan.
- Untuk mencegah dan merawat keadaan alergi yang lain seperti rinitis (radang membran mukus hidung) alergi, keradangan pada membran halus yang menutupi bola mata dan lapisan kelopak mata dan gangguan alergi kulit.

Bagaimana Asmafen Syrup berfungsi

Ketotifen ialah antihistamina yang berfungsi dengan menghalang bahan semula jadi (histamina) yang dihasilkan dalam badan semasa tindak balas alergi.

Sebelum menggunakan Asmafen Syrup

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Asmafen Syrup jika anda alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Asmafen Syrup jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu.
- mengalami serangan lelah secara tiba-tiba.
- mengambil rawatan antidiabetik untuk mengawal paras gula dalam darah.

Jangan hentikan rawatan secara tiba-tiba kerana ia akan membawa kepada simptom-simptom asma datang kembali. Jika rawatan perlu dihentikan, kurangkan dos secara perlahan dalam masa seminggu.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Ketotifen boleh meningkatkan kesan sedatif ubat depresi sistem saraf pusat (CNS), antihistamina dan alkohol.

Cara menggunakan Asmafen Syrup

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas

5ml hingga 10ml dua kali sehari.

Kanak-kanak 2 hingga 12 tahun

5ml dua kali sehari.

Kanak-kanak 6 bulan hingga 2 tahun

2.5ml dua kali sehari.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika terlupa menggunakannya

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk mengantuk, kekeliruan, sesak nafas, denyutan jantung yang tidak normal (terlalu pantas atau terlalu perlahan), disorientasi, pergerakan otot tanpa kawal dan tidak teratur.

Semasa menggunakan Asmafen Syrup

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Asmafen Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.
- Minum dan telan ubat secara perlahan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda
- Jangan berkongsi Asmafen Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk. Jika rasa mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan mesin. Elakkan minuman beralkohol.

Kesan-kesan sampingan

- Mengantuk.
- Mulut kering.
- Pening.
- Berat badan meningkat.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-85535550, atau lawan web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan Asmafen Syrup

Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Sirap jernih, tidak berwarna dengan perisa pic.

ASMAFEN SYRUP

Ketotifen fumarate (1mg/5ml)

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Ketotifen (sebagai hydrogen fumarate).

Bahan-bahan tidak aktif

Propylene Glycol, Glycerin, Syrup, Methyl Hydroxybenzoates, Peach Flavour, Propyl Hydroxybenzoates, Purified Water.

Nombor MAL

MAL19920988A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20 Ogos 2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)200815/00267